

Penggunaan Pengajaran Secara Eksplisit Bagi Pembinaan Konflik Dalam Penulisan Karangan Naratif

Siti Nur Aishah Bte Suparjo

siti_nur_aishah_suparjo@schools.gov.sg

Dian Farhana

dian_farhana_zulkifli_kaspari@schools.gov.sg

Sekolah Menengah Kent Ridge

Abstrak

Para pelajar aliran Ekspres Sekolah Menengah Kent Ridge lazimnya berhadapan dengan kesukaran untuk menulis karangan naratif yang berkualiti kerana keterbatasan idea. Para pelajar kurang berkeyakinan untuk menulis kerana kurang kritis dan kreatif khususnya dalam pembinaan konflik. Justeru, para guru telah mengusulkan strategi membina konflik melalui pengajaran eksplisit khususnya untuk membantu pelajar menggarap kebolehan menulis. Kertas kajian ini bertujuan untuk meninjau keberkesanan kaedah pengajaran ini dalam menggalakkan para pelajar menghasilkan karangan naratif yang bermutu. Kajian ini melibatkan 73 orang pelajar. Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa strategi pengajaran eksplisit telah membantu para pelajar untuk membina konflik yang lebih kreatif dan tersusun.

Kata Kunci: pengajaran eksplisit, pembinaan konflik, kritis dan kreatif, karangan naratif

PENGENALAN

Perubahan dalam sistem pendidikan Singapura telah memberi peluang kepada guru dan pihak sekolah untuk melakukan pelbagai strategi pengajaran agar pembelajaran akan berlangsung secara aktif, bermakna dan menyeronokkan. Bagi memastikan sesuatu pengajaran itu dapat disampaikan dengan berkesan, guru perlu memilih strategi pengajaran yang paling sesuai dengan profil para pelajar yang disasarkan. Oleh itu, guru-guru bahasa Melayu Sekolah Menengah Kent Ridge memilih strategi membina konflik melalui pengajaran eksplisit bagi menghasilkan karangan naratif. Guru-guru bahasa Melayu memilih sedutan drama terkini sebagai bahan pembelajaran untuk pembinaan konflik dalam penulisan karangan naratif. Dengan memilih strategi ini, guru berharap agar pengajaran dan pembelajaran (PdP) akan lebih berkesan dan dapat membantu meningkatkan kebolehan para pelajar menulis karangan naratif yang bermutu. Selain itu, para pelajar juga akan berpeluang untuk terlibat dalam pembelajaran dengan lebih aktif berkaitan dengan pembinaan konflik dalam penulisan naratif.

Para pelajar Menengah 1 hingga 3 aliran Ekspres mempunyai tahap kebolehan yang pelbagai dan mereka kerap memilih penulisan ekspositori atau deskriptif berbanding dengan penulisan naratif. Selain itu, guru-guru turut memberi tumpuan pada strategi penulisan ekspositori atau deskriptif kerana guru berpendapat bahawa corak karangan ini lebih mudah untuk ditulis berbanding karangan naratif. Hal ini disebabkan para pelajar yang sering mempunyai idea yang terbatas untuk mengolah jalan cerita mahupun kurang kreatif dalam pembinaan konflik. Tuntutan soalan naratif juga kerap kali sukar difahami oleh para pelajar yang kurang terdedah kepada bahan-bahan bacaan bahasa Melayu di rumah mahupun di sekolah.

Namun, setelah meneliti soalan-soalan dalam kertas peperiksaan GCE peringkat ‘O’ dan ‘N’ untuk tahun 2017 dan 2018, serta merujuk kepada guru-guru yang menyemak soalan-soalan naratif dalam kertas jawapan peperiksaan GCE peringkat ‘O’ dan ‘N’, guru-guru berpendapat bahawa tuntutan soalan naratif semakin mudah difahami oleh para pelajar. Hal ini disebabkan oleh komponen menulis khususnya Kertas 1 mempunyai pemberatan markah yang besar dan penting. Lantaran itu, para pengkaji bersepakat untuk mendedahkan para pelajar aliran Ekspres kepada corak penulisan naratif, namun bahagian yang diberikan perhatian adalah bahagian pembinaan konflik dalam plot ceria. Para pengkaji telah menggunakan pengajaran eksplisit untuk mengolah konflik-konflik secara kreatif agar para pelajar dapat menghasilkan karya naratif yang lebih bermutu.

PERNYATAAN MASALAH

Kelakonan para pelajar dalam penulisan karangan naratif telah menjadi keprihatinan guru. Secara umumnya, para pelajar lebih terdedah kepada jenis penulisan ekspositori atau deskriptif berbanding dengan jenis penulisan naratif. Dalam Peperiksaan Pertengahan Tahun 2018, hanya 17 daripada 73 orang pelajar aliran Ekspres yang menjawab soalan karangan naratif. Manakala terdapat seorang pelajar yang gagal menjawab tuntutan soalan peperiksaan yang diberikan. Tinjauan guru mendapati bahawa para pelajar tidak menjawab soalan naratif kerana tidak memahami tuntutan soalan ataupun tidak mampu menghasilkan jalan cerita yang baik. Kesukaran menjana konflik yang baik telah menjelaskan hasil penulisan para pelajar ini. Lazimnya, pengajaran karangan naratif yang dilakukan oleh guru-guru lebih bersifat implisit sahaja kerana telah mengambil kira pengetahuan sedia ada para pelajar yang mempelajari genre penulisan naratif sejak di sekolah rendah.

Oleh itu, para pelajar perlu didedahkan kepada cara-cara membina konflik yang kreatif dan kritis. Kemahiran ini perlu agar para pelajar dapat menghasilkan karangan naratif yang lebih baik dan tersusun semasa menduduki peperiksaan peringkat nasional kelak. Setelah mengikuti perkongsian pengajaran eksplisit yang dianjurkan oleh Pusat Bahasa Melayu Singapura, para pengkaji bersetuju untuk melakukan pengajaran eksplisit di sekolah. Lantaran itu, para pengkaji menggunakan strategi pengajaran eksplisit untuk melatih para pelajar berfikir secara sistematik dan selanjutnya dapat menghasilkan jalan cerita yang lebih tersusun dan kreatif. Pengajaran eksplisit ini turut dipilih kerana para pengkaji dapati bahawa sesuatu konsep yang baharu perlu diperkenalkan dalam bentuk yang kecil, tersusun dan berstruktur supaya mudah difahami oleh para pelajar.

Para pengkaji bercadang untuk menggunakan sedutan drama sebagai alat bantu dalam strategi pengajaran eksplisit agar para pelajar yang mempunyai tahap kebolehan pelbagai dapat mengikuti kelas dengan lebih aktif. Para pengkaji memilih sedutan drama yang terkini agar para pelajar mudah membuat perkaitan serta menimbulkan perasaan ingin tahu pelajar. Melalui sedutan drama juga, para pelajar perlu menghasilkan konflik-konflik dan sebab-sebab yang bersesuaian agar dapat menghasilkan penulisan yang bermutu.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan dengan tujuan untuk:

1. meningkatkan kebolehan para pelajar membina konflik-konflik yang kreatif melalui strategi pengajaran eksplisit; dan
2. menilai keberkesanan strategi pengajaran pengajaran eksplisit dalam membantu para pelajar menghasilkan karangan naratif.

KAJIAN LEPAS

Terdapat banyak kajian telah dilakukan mengenai kaedah pengajaran secara eksplisit yang dinyatakan sebagai berkesan untuk mengajar sesuatu komponen pengajaran secara tersusun dan jelas serta melibatkan pengetahuan sedia ada pelajar. Strategi pengajaran yang tersusun mampu merangsang minat pelajar agar terus mengikuti pelajaran.

Rosenshine (1986) menyatakan pengajaran secara eksplisit merupakan strategi pengajaran yang berstruktur, sistematik dan melibatkan pengajaran yang menekankan kepada penguasaan kemahiran dan pengetahuan bahasa melalui penyertaan yang aktif dalam proses pembelajaran. Justeru, pengajaran secara eksplisit untuk pembinaan konflik amat sesuai kepada golongan pelajar yang memerlukan kaedah pembelajaran yang tersusun dan berstruktur. Mentrelah, Pengajaran Secara Eksplisit mampu menyokong peringkat awal pembelajaran bahasa kerana pelajar menerima input asas yang mudah difahami dalam konteks yang sesuai dengan pengetahuan sedia ada pelajar dan persekitaran yang menggalakkan.

Mahzan Arshad (2003), mengatakan bahawa teks naratif menampilkan pelbagai cerita dan disusun dalam satu pola yang mengandungi bahagian pengenalan, perkembangan dan akhiran. Oleh itu, para pengkaji telah memilih untuk memberikan tumpuan pada pembinaan konflik dalam karangan naratif agar para pelajar lebih mahir dalam menulis bahagian perkembangan sebuah karangan naratif yang lebih kreatif.

Othman Puteh (2003) menyatakan bahawa dua perkara yang relevan dengan kajian karya naratif adalah semakan tentang tema dan plot. Plot merupakan cetusan konflik yang seharusnya sesuai dengan sebab akibat. Oleh itu, para pengkaji menekankan bahawa setiap konflik yang dihasilkan perlu dinyatakan dengan sebab dan akibat agar jalan cerita mereka akan lebih logikal, menarik dan mudah difahami pembaca.

Menurut Yahya Othman (2005) dan Ahmad Khair Nor (2005), penguasaan kemahiran menulis bukan sahaja bergantung pada bakat semata-mata malah dipengaruhi juga pengajaran menulis yang bersistem dan berkesan. Menurut Flower (1985) dalam Roselan Baki (2003), dalam proses penulisan, masalah yang sering dihadapi oleh seseorang adalah untuk memulakan penulisan. Nik Safiah Karim (2004), berpendapat proses menulis karangan merupakan kemahiran yang paling sukar untuk dikuasai, jika dibandingkan dengan kemahiran bahasa yang lain dan ramai orang tidak mahir menulis. Setelah meneliti masalah kajian yang menjadi keprihatihan guru dalam pengajaran strategi membina konflik melalui pengajaran eksplisit dalam pembinaan konflik ini dipilih untuk membantu para pelajar untuk menyampaikan idea secara jelas dan tersusun.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian secara kualitatif dan kuantitatif. Selain daripada menilai hasil kajian para pelajar, guru turut memantau respons yang diberikan oleh para pelajar semasa melaksanakan pengajaran pembinaan konflik secara eksplisit. Dalam kajian ini, guru menggunakan rutin pengajaran eksplisit *I do, You Do, We do* dalam pembinaan konflik karangan naratif. Rutin ini digunakan sebagai strategi untuk meningkatkan kebolehan para pelajar membina konflik yang baik dan tersusun.

Para pengkaji turut menggunakan sedutan drama terkini dan templat pembinaan konflik sebagai alat bantu mengajar. Sedutan drama yang dipilih mengandungi ciri-ciri naratif seperti konflik, klimaks, watak dan dialog. Alat bantu mengajar ini perlu bagi membantu para pelajar yang mempunyai kebolehan visual dan auditori.

Semasa pelaksanaan strategi membina konflik melalui pengajaran eksplisit pula, para pelajar dikehendaki mengisi konflik-konflik yang sesuai dalam templat yang diberikan. Jawapan para pelajar itu akan dianalisis untuk mengenal pasti pemahaman pelajar pada akhir pengajaran. Selain itu, para pengkaji turut menggunakan rutin berfikir ‘Mengapa Awak Kata Begitu’ dalam pendekatan Menjadikan Pemikiran Jelas (*Making Thinking Visible – MTV*)—untuk membantu pelajar memberikan sebab bagi setiap konflik yang dinyatakan.

Para pengkaji turut menerapkan Amalan Pengajaran Singapura semasa merancang dan melaksanakan strategi pengajaran eksplisit bagi pembinaan konflik. Para pengkaji memilih Aspek Pengajaran (AP) dan Aktiviti Mengajar (AM) yang sesuai dengan strategi pengajaran eksplisit yang dijalankan.

Jadual 1: Penerapan Amalan Pengajaran Singapura

Proses Pengajaran	Aspek Pengajaran	Aktiviti Mengajar
Pelaksanaan Pelajaran	AP14: Merangsang minat AP15: Menggalakkan Pelibatan Pelajar	<p>AM1: Menggunakan cerita dan imejan Cerita dan imejan ini digunakan dalam hampir semua bahagian pelaksanaan pelajaran iaitu bahagian pengenalan, penerangan, modelling, latihan terbimbing dan latihan kendiri. Tujuannya adalah bagi merangsang minat pelajar, guru telah menggunakan sedutan drama terkini kerana kebanyakan pelajar telah menonton drama-drama berikut.</p> <p>AM2: Teroka- Terlibat- Aplikasi (Explore- Engage- Apply) Selain itu, guru juga sangat menggalakkan pelibatan murid dalam aktiviti yang dijalankan agar pembelajaran berlangsung dua hala. Guru juga dapat menyampaikan konsep yang baharu manakala pada masa yang sama guru dapat memantau pemahaman pelajar semasa pelaksanaan pelajaran.</p>
Penilaian dan Maklum Balas	AP22: Memantau Pemahaman dan Memberi Maklum Balas	<p>AM3: Saya Buat, Saya Tahu, Saya Semak (<i>I do I know, I check</i>) Bagi bahagian penilaian dan maklum balas, pengkaji telah memilih untuk memantau pemahaman pelajar melalui tugasan yang diberikan. Melalui tugasan itu, pengkaji dapat melihat bahawa pelajar mengaplikasikan apa yang telah mereka pelajari.</p>

Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada para pelajar Menengah 1 hingga 3 yang mengikuti aliran Ekspres yang terdiri daripada pelbagai keupayaan. Jumlah keseluruhan pelajar yang terlibat ialah 73 orang. Rujuk Jadual 2.

Jadual 2 : Taburan Subjek Kajian

1 Ekspres	1 Normal Akademik (SBB)	2 Ekspres	2 Normal Akademik (SBB)	3 Ekspres
14	17	12	9	21



Pemilihan subjek bagi aliran Ekspres ini dilakukan agar para pelajar dilatih untuk menghasilkan karangan naratif yang lebih baik dan tersusun. Ketiga-tiga guru yang mengajar kelas-kelas tersebut telah mengaplikasikan strategi pengajaran eksplisit dengan berpandukan templat dan sedutan drama yang sama.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan adalah seperti berikut :

1. templat konflik (bercetak atau *Google Doc*)
2. sedutan drama terkini:
 - a. Unifi TV : Pengorbanan Ayah (Hypplnsporasi Saluran 1111)
 - b. Ost 7 Hari Mencintaiku (Exist- Mengintai dari Tirai Kamar)
 - c. Halalkan Hati Yang Ku Curi (Episod 13), sedutan minit 0:18 – 1:20
 - d. Andainya Takdir 2 (Episod 10), sedutan minit 0:04 – 0.30
3. Karangan hasil tulisan para pelajar. Hasil kerja pelajar akan dinilaikan dari segi perkembangan plot, khususnya pembinaan konflik.

Prosedur Kajian

Kajian ini dijalankan selama tiga jam dalam waktu kurikulum Bahasa Melayu. Setiap waktu pengajaran adalah satu jam. Kajian dilakukan pada penggal ketiga 2018. Kebebasan memilih pasangan diberikan kepada para pelajar kerana kumpulan pelajar bagi setiap kelas adalah kecil, maka mudah bagi para pengkaji memantau tugas para pelajar.

Guru memilih pendekatan eksplisit untuk mengajarkan komponen pembinaan plot dalam karangan naratif. Berikut merupakan langkah-langkah pengajaran eksplisit yang dilaksanakan:

Pelajaran 1

Peringkat Pengenalan

Guru mengimbas kembali mengenai ciri-ciri karangan naratif dan menerangkan kembali tuntutan karangan naratif. Pengajaran implisit karangan naratif telah diperkenalkan kepada para pelajar pada semester pertama

semasa mempersiapkan para pelajar untuk peperiksaan pertengahan tahun. Pengajaran implisit menerangkan ciri-ciri karangan naratif seperti ASIBIDIBAM (Apa, Siapa, Bila, Di mana dan Bagaimana), watak dan perwatakan, plot dan pengajaran nilai. Aktiviti ini dilakukan untuk mengimbas kembali pelajaran karangan naratif yang pernah dilaksanakan.

Guru memulakan pengajaran dengan menerangkan kepada para pelajar objektif pelajaran iaitu pembinaan konflik dalam karangan naratif. Guru turut mencungkil pengetahuan sedia ada pelajar mengenai konflik. Guru menggunakan alat bantu mengajar slaid *PowerPoint* untuk menerangkan konflik dan binaan konflik kepada pelajar. Bagi para pelajar menengah 1 Ekspres dan 1NA SBB, para pengkaji memperkenalkan konflik sebagai masalah yang bersebab dan menimbulkan akibat.

Peringkat Modeling (I do)

Guru menayangkan video pertama, Pengorbanan Ayah, sebagai bantu pembelajaran. Video ini bertujuan untuk membantu para pelajar menjana idea mengenai struktur konflik. Video ini dimulakan dengan gambaran klimaks dahulu, lantaran itu, guru memberikan peluang kepada para pelajar untuk melontarkan konflik-konflik yang mungkin terjadi dalam video yang telah menyebabkan dua watak dalam video (abang dan adik) bertengkar dan ingin memutuskan silaturahim. Pada peringkat ini, guru tidak menunjukkan keseluruhan video, hanya bahagian klimaks sahaja ditayangkan. Guru memastikan para pelajar memahami konsep konflik dan binaan konflik sebelum beralih kepada latihan seterusnya.

Peringkat Latihan (We do)

Guru menayangkan video kedua, Ost 7 Hari Mencintaiku. Pada peringkat ini, guru menayangkan keseluruhan video kepada para pelajar. Kebanyakan pelajar pernah menonton atau tahu mengenai jalan cerita drama tersebut. Namun guru memberi arahan agar para pelajar tidak mengikuti konflik-konflik yang ada dalam drama tersebut. Guru memberikan klimaks yang merupakan perasaan sedih watak utama kerana ditinggalkan kekasih dan para pelajar perlu memberikan konflik-konflik yang menyebabkan perpisahan itu terjadi. Guru melakukan pembinaan konflik bersama-sama para pelajar.

Guru memantau pemahaman para pelajar sebelum beralih kepada aktiviti berpasangan. Dengan menggunakan klimaks ditinggalkan oleh orang yang disayangi, para pelajar perlu menyenaraikan konflik-konflik yang menyebabkan perpisahan berlaku.

Peringkat Penutup

Guru menggulung pelajaran mengenai binaan konflik dan memberikan komen-komen yang membina kepada hasil kerja para pelajar. Para pelajar digalakkan untuk menggunakan teknik pembinaan konflik yang telah dipelajari apabila menulis karangan naratif kelak.

Pelajaran 2 dan 3

Peringkat Pengenalan

Guru mengimbas kembali mengenai ciri-ciri karangan naratif serta menerangkan kembali tuntutan karangan naratif. Guru turut mengimbas kembali tentang pelajaran tentang plot khususnya pembinaan konflik. Guru turut menunjukkan contohan yang dilakukan oleh para pelajar semasa pelajaran yang lepas. Bagi waktu pengajaran kedua, sedutan drama Halalkan Hati Yang Ku Curi (Episod 13) telah ditayangkan. Manakala semasa pelajaran ketiga, sedutan drama Andainya Takdir 2 (Episod 10) pula telah ditayangkan.

Pelajaran kedua dan ketiga hampir serupa. Namun semasa pelajaran ketiga, guru telah memberikan peluang kepada setiap pasangan untuk membuat aktiviti ‘lintas galeri’ untuk membaca hasil kerja rakan. Para pelajar juga harus meninggalkan komen-komen yang membina terhadap hasil kerja rakan-rakan mereka. Setiap pergerakan dan komen para pelajar dipantau oleh guru.

Guru memulakan pengajaran dengan menerangkan kepada para pelajar objektif pengajaran pada hari tersebut iaitu Pembinaan Konflik dalam karangan naratif. Guru mendalami lagi PdP pembinaan konflik dengan menyatakan bahawa setiap konflik perlu disertakan dengan sebab yang menimbulkan kesan atau akibat. Bagi para pelajar Menengah 1, konflik adalah masalah yang bersebab. Dengan adanya sebab yang mengikuti setiap konflik dapat menjadikan jalan cerita para pelajar lebih baik dan tersusun.

Peringkat Modeling (I do)

Guru menayangkan sedutan drama Halalkan Hati Yang Ku Curi (Episod 13), sebagai bahan bantu pembelajaran. Sedutan drama ini menunjukkan kisah mengenai pasangan yang telah dihalau dari rumah. Guru memilih dua konflik yang telah diberikan oleh para pelajar untuk meneruskan aktiviti seterusnya berkaitan dengan penyataan sebab. Guru menunjukkan bahawa setiap konflik berlaku berdasarkan sebab. Dengan memberikan sebab kepada setiap konflik akan menjadikan sebuah karya itu lebih baik dan tersusun. Guru menggunakan rutin berfikir ‘Mengapa Awak Kata Begitu’ dalam pendekatan Menjadikan Pemikiran Jelas (MTV) untuk membantu pelajar memberikan sebab kepada setiap konflik yang dinyatakan.

Peringkat Latihan (We do)

Guru menayangkan klip drama Halalkan Hati Yang Ku Curi (Episod 13) sekali lagi. Guru memberikan klimaks watak dihalau dari rumah dan para pelajar perlu memberikan konflik-konflik yang menyebabkan kejadian itu terjadi. Guru membuat latihan pembinaan konflik dan penyataan sebab bersama-sama pelajar.

Guru memantau pemahaman para pelajar sebelum beralih kepada aktiviti berpasangan. Dengan menggunakan klimaks dihalau dari rumah, para pelajar perlu menyenaraikan konflik-konflik yang menyebabkan kejadian itu berlaku.

Peringkat Latihan (I do)

Guru memberikan para pelajar tugasannya kendiri untuk mengukuh keberkesanan strategi pengajaran eksplisit dalam pembinaan konflik. Para pelajar perlu menerapkan konsep yang telah mereka pelajari dalam tugasannya yang diberikan. Melalui hasil kerja ini, guru dapat menilai pemahaman para pelajar terhadap strategi pengajaran yang dijalankan.m

Peringkat Penutup

Guru menggulung pelajaran mengenai pembinaan konflik dan memberikan komen-komen yang membina pada hasil kerja para pelajar. Para pelajar digalakkan untuk menggunakan teknik pembinaan konflik yang telah dipelajari apabila menulis karangan naratif kelak.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini berpusatkan kepada usaha guru-guru Sekolah Menengah Kent Ridge dalam menghasilkan strategi pengajaran pembinaan konflik agar dapat membantu para pelajar lebih mahir membina konflik dalam karangan naratif mereka. Dapatkan kajian dapat disimpulkan seperti berikut.

Para pengkaji dapat melihat peningkatan dalam jumlah para pelajar yang memilih untuk menjawab soalan naratif dalam Peperiksaan Akhir Tahun 2018. Kebanyakan kelas menunjukkan peningkatan jumlah pelajar yang menjawab soalan naratif kecuali kelas 1NA SBB. Pada peperiksaan Pertengahan Tahun (MYE), terdapat 17 pelajar yang menjawab soalan karangan naratif, namun pada peperiksaan Akhir Tahun (EYE), terdapat 26 pelajar menjawab soalan karangan naratif. Terdapat peningkatan sebanyak 9 orang yang menjawab soalan karangan naratif semasa EYE.

Selain itu, 17 daripada 26 orang pelajar yang menjawab soalan naratif itu tidak menjawab soalan karangan naratif semasa peperiksaan MYE. Meskipun jumlah para pelajar yang menjawab soalan naratif dalam peperiksaan sangat minimal, namun jumlah ini menunjukkan para pelajar mula berasa selesa untuk menjawab soalan karangan naratif.

Jadual 3: Bilangan Pelajar yang Menjawab Soalan Karangan Naratif

Kelas / Aliran	Peperiksaan Pertengahan Tahun (MYE)	Peperiksaan Akhir Tahun (EYE)
3 Ekspres	0	2
2NA SBB	4	6
2 Ekspres	2	7
1NA SBB	7	6
1 Ekspres	4	5
Jumlah keseluruhan	17	26

Para pengkaji turut mendapati bahawa golongan pelajar yang mengubah genre penulisan mereka kepada penulisan naratif pada EYE telah menunjukkan peningkatan dalam markah yang diperoleh. Para pelajar ini turut mengaplikasikan strategi penulisan yang diajar oleh guru semasa menulis karangan mereka. Para pelajar didapati lebih berkeyakinan dalam penulisan dan berjaya mengaplikasikan konsep pembinaan konflik dengan baik. Jadual berikut menunjukkan peningkatan markah para pelajar.

Jadual 4: Pelajar yang Menukar kepada Genre Penulisan Naratif

Nama pelajar	Genre Pilihan (MYE)	Markah MYE	Genre Pilihan (EYE)	Markah EYE
Pelajar 1	Ekspositori	25	Naratif	25
Pelajar 2	Ekspositori	20	Naratif	26
Pelajar 3	Ekspositori	25	Naratif	28
Pelajar 4	Deskriptif	23	Naratif	25
Pelajar 5	Deskriptif	23	Naratif	29
Pelajar 6	Deskriptif	20	Naratif	23
Pelajar 7	Deskriptif	21	Naratif	28
Pelajar 8	Deskriptif	28	Naratif	33

Selain itu, ada juga pelajar yang memilih genre naratif dalam keduanya peperiksaan (MYE) dan (EYE), dan mereka turut menunjukkan peningkatan markah. Jadual berikut menunjukkan peningkatan markah para pelajar berikut.

Jadual 5: Pelajar yang Mengekalkan Genre Penulisan Naratif

Nama pelajar	Genre Pilihan (MYE)	Markah MYE	Genre Pilihan (EYE)	Markah EYE
Pelajar 9	Naratif	24	Naratif	26
Pelajar 10	Naratif	27	Naratif	35
Pelajar 11	Naratif	28	Naratif	30

Bagi latihan kendiri, para pelajar telah menghasilkan sebuah karangan naratif berdasarkan tajuk-tajuk yang telah diberikan oleh para pengkaji. Berdasarkan tugasan yang diberikan, guru memberikan perhatian pada penerapan strategi pembinaan konflik yang telah diajar. Melalui markah yang diperoleh daripada latihan kendiri, para pengkaji bersepakat bahawa para pelajar dapat memahami strategi pengajaran eksplisit mengenai pembinaan konflik. Taburan markah para pelajar adalah seperti berikut.

Jadual 6: Taburan Markah Pelajar

Kelas / Aliran	Julat markah pelajar	Lulus (%)	Gagal (%)	Catatan
3 Ekspres	22 – 32m	100	0	Hanya berdasarkan 12 orang pelajar kerana 9 pelajar tidak menghantar tugasan
2NA SBB	18 – 30 m	88.8	11.2	-
2 Ekspres	22 – 34 m	100	0	Hanya berdasarkan 11 orang pelajar kerana 1 pelajar tidak menghantar tugasan
1NA SBB	20 – 30 m	100	0	Hanya berdasarkan 15 orang pelajar kerana 2 pelajar tidak menghantar tugasan
1 Ekspres	20 – 33 m	100	0	Hanya berdasarkan 11 orang pelajar kerana 3 pelajar tidak menghantar tugasan

Kajian ini telah menunjukkan kesan yang positif dalam strategi pengajaran eksplisit bagi pembinaan konflik. Strategi pengajaran ini merupakan suatu kejayaan untuk membantu para pelajar menghasilkan penulisan naratif

yang baik, menarik dan tersusun. Namun para pengkaji juga berpendapat bahawa ada beberapa aspek yang perlu diambil kira bagi menambah baik strategi pengajaran ini.

Pertama, jangka masa tiga waktu pengajaran agak pendek untuk menerapkan strategi pengajaran ini dengan berkesan. Pada masa hadapan, guru memerlukan lebih masa untuk memastikan strategi pengajaran ini dapat diikuti oleh para pelajar dengan lebih baik dan tersusun. Oleh yang demikian, situasi ini dapat dilihat pada golongan pelajar 3 Ekspres. Hanya 2 daripada 21 orang pelajar yang menjawab soalan karangan naratif dalam peperiksaan Akhir Tahun. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh para pelajar yang lebih terdedah kepada jenis karangan ekspositori dan deskriptif terlebih dahulu. Maka, ramai antara mereka tidak selesa menukar genre penulisan mereka dalam peperiksaan. Oleh yang demikian, pada masa hadapan, lebih banyak masa perlu diperuntukkan untuk menjalankan strategi pengajaran ini agar dapat memastikan pelajar lebih selesa menjawab soalan naratif dalam peperiksaan.

Kedua, para pengkaji berpendapat untuk menggunakan strategi pengajaran yang sama bagi para pelajar aliran Normal Akademik. Namun, pemilihan sedutan drama yang dipilih perlu drama-drama terkini yang berkaitan dengan golongan remaja bagi menarik minat dan pelibatan aktif mereka dalam PdP.

Selain itu, lanjutan kepada kajian yang dijalankan, para pengkaji boleh melakukan soal selidik sebelum melakukan strategi pengajaran eksplisit ini. Melalui soal selidik yang dilakukan, para pengkaji boleh mengetahui amalan bacaan mahupun rancangan televisyen yang ditonton oleh para pelajar. Dengan ini, para pengkaji boleh menambah baik strategi yang akan dilakukan dengan memilih sedutan-sedutan drama yang sesuai agar seiring dengan pengalaman hidup para pelajar.

KESIMPULAN

Pendekatan pengajaran eksplisit bagi pembinaan konflik dirumuskan sebagai berjaya untuk membantu para pelajar menghasilkan penulisan naratif yang baik, menarik dan tersusun. Para pelajar telah mengaplikasikan pembinaan konflik yang mereka pelajari semasa menulis karangan naratif bagi tugasannya kendiri atau menjawab soalan peperiksaan akhir tahun. Para pengkaji berharap para pelajar akan terus menerapkan apa yang telah dipelajari agar dapat menghasilkan karangan yang bermutu dan meraih kecemerlangan dalam subjek bahasa Melayu. Namun, para pengkaji juga akur bahawa strategi ini

perlu diubah suai berdasarkan profil dan tahap keupayaan pelajar dalam kohort yang berlainan.

Guru yang turut terlibat dalam kajian:

1. Haizurah Kadir Mydin
2. Siti Suhara Ismail

RUJUKAN

France Dube, Lyne Bessette & Catherine Dorval (2011). *Differentiation and Explicit Teaching : Integration of Students with Learning Difficulties in US-China Review B 2.* (pp167-184). Montreal, Canada.

Laporan Jawatankasa Semakan Kurikulum dan Pedagogi Bahasa Melayu (2010). Kementerian Pendidikan (MOE)

Mahzan Arshad (2003). Pendidikan literasi bahasa Melayu : Satu Pendekatan bersepadu. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Othman Puteh (2003). “Menyemak Cerita” dlm Pelita Bahasa, 10 :34, Oktober.

Rosenshine, B. (1997). Advances in research on instruction (pp. 197-221). Mahwah, NJ : Lawrence Erlbaum Associates.

Yahya Othman. (2005). Trend dalam pengajaran Bahasa Melayu. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Unifi TV : Pengorbanan Ayah (Hypplnsporasi Saluran 1111) <https://www.youtube.com/watch?v=tCPypLLmg1w>

Ost 7 Hari Mencintaiku (Exist- Mengintai dari Tirai Kamar) <https://www.youtube.com/watch?v=mxNFgN3QLbE>

Halalkan Hati Yang Ku Curi (Episod 13), sedutan minit 0:18 – 1:20 <https://www.youtube.com/watch?v=PePN9sIW4vI>

Andainya Takdir 2 (Episod 10), sedutan minit 0:04 – 0.30 <https://www.youtube.com/watch?v=kM0mgYqzQhY>